

KONSEP NEGARA : TANAH, RAKYAT, KERAJAAN DAN DAULAT

Oleh : Muhammad Elyas Bin Sulaiman

Negara terdiri daripada empat elemen iaitu tanah, rakyat, kerajaan dan daulat. “Ada tanah, tiada rakyat bukanlah negara”. “Ada tanah sendiri, ada rakyat tetapi tiada kerajaan berdaulat bangsa terjajah”. “Ada rakyat, tetapi tiada diperakui kerakyatannya pelarian”. “Ada tanah sendiri, ada rakyat, ada kerajaan, ada kedaulatan inilah yang dinamakan negara”. Negara merangkumi keempat-empat elemen iaitu tanah, rakyat, kerajaan dan daulat yang akan membentuk sesebuah negara. Pembinaan negara Malaysia suatu ketika dahulu, didahului dengan kedatangan peniaga dari Tanah Arab yang menyebarkan agama Islam. Kemudian, bangsa Portugis datang ke negeri Melaka pada tahun 1509 dan merupakan penjajah pertama yang telah menjejakkan kaki ke Melaka. Namun tidak dinafikan kehebatan negara Melaka sehingga hari ini. Kehadiran kuasa asing yang ingin menakluk tanah air ini turut menggugat keamanan negara dan mengancam keselamatan rakyat jelata. Akhirnya setelah mencapai kemerdekaan negara pada tahun 1957, kembali aman dan makmur. Keselamatan rakyat lebih terjamin.

Tanah merujuk kepada khazanah sumber alam yang tiada nilainya. Tanah merupakan kurniaan Ilahi kepada kehidupan yang ada di muka bumi. Tanah yang terdiri daripada sumber alam semula jadi yang didiami oleh hidupan hidup dan hidupan bukan hidup. Tanah merupakan satu syarat pembentukan sebuah negara. Negara tidak akan terbentuk jika tiada tanah yang menjadi kawasan atau tempat untuk didiami. Malaysia merupakan sebuah tanah air yang menjadi kebanggaan penghuni yang mendiaminya. Dengan keindahan sumber alam semula jadi yang terdapat di Malaysia, beribu-ribu spesies flora dan fauna, bahkan turut menjadi tumpuan dunia yang datang melawat ke tanah air ini. Selain itu, tanah yang menjadi hamparan bumi megah terbina prasarana atau infrastruktur yang unggul sebagai mercu kebanggaan negara. Namun demikian, dalam era globalisasi yang menghambat dengan pelbagai kemajuan dan pemodenan, Malaysia tetap mampu mengekalkan bangunan-bangunan bersejarah sebagai warisan budaya yang turut menjadi kebanggaan Malaysia dan kekal tersergam indah sehingga ke hari ini. Dalam usaha mengembangkan rasa cinta terhadap tanah air, pelbagai usaha harus dilakukan oleh masyarakat Malaysia. Kecintaan terhadap tanah air boleh ditunjukkan dalam pelbagai cara yang tersendiri. Mereka sanggup memperjuangkan negara dengan bergadai maruah dan nyawa demi mengharumkan nama tanah air di persada dunia.

Rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum atau *multi racial*. Rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai perbezaan agama, bangsa, bahasa, seni budaya dan adat resam yang tersendiri yang membentuk peradaban. Pada tahun 2015, penduduk Malaysia ialah seramai 30.5 juta yang terdiri

daripada 28.09 juta warganegara dan 2.41 juta warga asing. Seramai 19.15 juta atau 68.2% terdiri daripada kaum bumiputera, seramai 6.64 juta atau 23.6% kaum cina, seramai 2.01 juta atau 7.2% kaum India dan seramai 0.27 juta atau 1% adalah lain-lain. Bangsa Malaysia yang terdiri daripada 3 kelompok masyarakat iaitu masyarakat orang asal, masyarakat peribumi iaitu orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, serta masyarakat pelbagai. Rakyat dalam hubungan ini turut diertikan sebagai sekumpulan manusia yang mendiami suatu negara. Tidak dapat dibayangkan negara tanpa rakyat dan rakyat tanpa negara. Kedua-duanya mempunyai keperluan yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Sistem pemerintahan terdiri daripada Raja Mutlak, Raja Berpelembagaan, Republik, Presidensi dan Sistem satu parti. Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Raja mutlak menjadi pemerintah sepenuhnya terhadap rakyat dan negara. Raja mutlak memiliki kuasa politik yang tidak terhad terhadap kedaulatan negara dan rakyatnya. Raja mutlak biasanya berdasarkan keturunan tetapi ada kalanya berasaskan perubahan pemimpin dan tiada pilihan raya. Manakala Presidensi ialah ketua negara dan ketua eksekutif yang dipilih secara pengundian langsung dari rakyat dan calon yang menang majoriti akan menjadi presiden. Republik merupakan presiden parti popular yang menang menjadi perdana menteri dan memiliki kuasa eksekutif. Manakala negara satu parti ialah parti tunggal yang memiliki satu parti politik dan hanya boleh dibentuk kerajaan, biasanya berasas kepada perlembagaan sedia ada. Raja Berperlembagaan memiliki kuasa raja terhadap seperti yang diizinkan oleh perlembagaan dan undang-undang sesebuah negara. Pemilihan kerajaan persekutuan dan negeri dipilih secara pengundian dalam pilihanraya, Parti majoriti akan memenangi kerusi parlimen atau dun membentuk kerajaan. Presiden parti politik dilantik menjadi perdana menteri atau menteri besar atau ketua menteri. Menurut Mac Iver kerajaan merupakan "satu pertubuhan pusat yang mengekalkan satu sistem peraturan terhadap masyarakat". Menurut David E. Apter kerajaan merupakan "satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengamalan dasar-dasar". Menurut Syed Ahmad Hussein, 1996 kerajaan merupakan "satu rangkaian institusi yang mentadbir masyarakat dan negara, ia lebih merupakan alat atau jentera negara yang antara fungsinya ialah untuk mencapai matlamat, dasar dan cita-citanya'. Pentadbiran kuasa dalam sistem kerajaan pula dibahagikan kepada tiga bahagian yang meliputi Pemerintahan (Eksekutif), Perundangan (Legislatif) dan Kehakiman (Judiciary) yang bertindak sebagai satu doktrin dalam pemerintahan negara demokrasi. Eksekutif berperanan sebagai pentadbir kerajaan berdasarkan undang-undang. Pentadbir akan bertindak sebagai pengawa dan pemeriksa, untuk menolak mana-mana pandangan awam atau tindakan-tindakan daripada kerajaan dan mengkritik mereka sekiranya didapati bersalah dan tugasnya juga memecat ahli-ahlinya yang didapati bersalah, meluluskan kelayakan untuk ahli-ahlinya mengemukakan tuduhan terhadap pegawai-

pegawai awam terhadap pegawai-pegawai awam atau mengadili kes-kes tuduhan terhadap negara. Manakala Legislatif berperanan sebagai penggubal undang-undang. Tugas tersebut akan melibatkan proses-proses yang sukar. Legislatif merupakan alat yang penting bagi masyarakat untuk mengeluarkan pendapatnya. Judiciary sebagai pelaksana undang-undang dan memastikan Perlembagaan Persekutuan dipatuhi dan keadilan ditegakkan mengikut peruntukan undang-undang.

Daulat dikatakan berasal daripada perkataan Arab iaitu “Daulah” yang bermaksud “negeri” atau berkuasa dalam lingkungan atau sempadan atau wilayah tertentu yang berkuasa dan berhak sepenuhnya terhadap individu yang diperintah berlandaskan undang-undang tertentu. Daulat merupakan kesucian seseorang raja dan bagi masyarakat Melayu konsep ini telah menjadi batas pemisah antara raja dan rakyat jelata. Daulat merupakan konsep kekuasaan dan keagungan seseorang raja. Kedaulatan diterjemahkan melalui kemerdekaan, kebebasan (ekonomi, sosial dan politik) dan keamanan. Kedaulatan sebagai mercu tanda kebebasan maruah, merdeka, kuasa dan hak. Raja berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan dan payung penyatuan. Untuk itu amatlah penting bagi Raja bersifat berkecuali, memastikan berada di atas segala polemik politik untuk membolehkan institusi Raja berupaya dalam mendamaikan sebarang perselisihan dan persengketaan (Raja Nazrin Shah, 2013, Ramlah Adam, 2013). Perkataan kedaulatan atau *sovereignty* bermaksud kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah negara. Kemunculan konsep tersebut dipengaruhi oleh proses pertumbuhan negara moden. Hal ini demikian kerana, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah institusi dalam masyarakat, politik untuk membuat keputusan tentang hal-hal yang berhubung dengan mana-mana pentadbiran politik. Di Malaysia, memandangkan keadaan politik kini selalu memperlihatkan ketidakstabilan, dan berkemungkinan rakyat cuba berharap pada pihak lain yang boleh memainkan peranan yang besar sebagai pengimbang kuasa. Bahkan Raja perlu cekap dalam menjalankan tugasnya agar ketiga-tiga pembahagian kuasa dalam sistem pemerintahan negara iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman tidak wujud campur tangan dan pertindihan kuasa mana-mana pihak atau dalam bahagian lain.